

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD  
( PERDANA MENTERI )

UPACARA: MAJLIS MAKAN MALAM SEMPENA PELANCARAN PERAYAAN JUBLI PERAK BERNAMA

TEMPAT: HOTEL ISTANA, KUALA LUMPUR

TARIKH: 02 JUN 1993

MASA:

Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Pengurusan BERNAMA kerana menjemput saya dan isteri saya ke Majlis Makan Malam sempena pelancaran perayaan Jubli Perak BERNAMA. Saya dimaklumkan bahawa majlis malam ini merupakan sebahagian daripada pelbagai acara yang disusun oleh Pengurusan dan Kelab Keluarga BERNAMA sehingga penghujung tahun ini, bagi mengingati Ulangtahun Ke-25 Pertubuhan Berita Nasional Malaysia atau ringkasnya BERNAMA.

2. Tempoh 25 tahun itu sesungguhnya satu tempoh yang agak panjang juga. Kalau diibaratkan sebagai seorang manusia, pada usia sedemikian ia merupakan seorang belia yang serba bertenaga dan bersemangat perjuangan yang berkobar-kobar. Saya berharap tenaga dan semangat BERNAMA juga tidak kurang daripada belia berumur 25 tahun.

3. BERNAMA memulakan perkhidmatannya pada 20 Mei, 1968 sebagai sebuah agensi berita kebangsaan yang ditubuhkan melalui satu Akta yang diluluskan oleh Parlimen Malaysia. Dengan hanya bermula secara kecil-kecilan, dengan tumpuan liputannya berkisar di sekitar Kuala Lumpur, agensi ini kini telah berjaya menubuhkan Pejabat-Pejabat Bironya bukan sahaja di semua Ibu Negeri di seluruh negara tetapi juga di beberapa buah bandar penting di luar negara. Agensi ini juga telah mengambil satu langkah yang saya rasa berani dan tepat pada waktunya apabila pada tahun 1984, ia mengembangkan lagi sayapnya untuk bergiat dalam bidang-bidang yang pada ketika itu masih dianggap asing bagi sesebuah agensi berita, terutama di negara-negara membangun.

4. Pengurusan BERNAMA pada waktu itu telah mempelbagaikan kegiatan agensi ini bagi mencakupi kegiatan-kegiatan yang bukan 'conventional' seperti pembekalan maklumat tepat masa, data-data kewangan dan profil syarikat. Berikutan dengan langkah tersebut yang mendapat sokongan sepenuhnya daripada Kerajaan, Akta BERNAMA telah dipinda yang secara langsung merombak sifatnya daripada sebuah agensi yang hanya bergiat dalam pemungutan dan penyebaran berita kepada sebuah agensi berita dan maklumat yang terlibat dalam pengumpulan dan penyebaran berita serta pelbagai bentuk maklumat.

5. Usaha ini telah mula mendatangkan hasil semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Kalau pada mula ditubuhkan

BERNAMA terpaksa bergantung 100 peratus kepada Kerajaan untuk menampung biaya mengurusnya, pergantungan itu secara sedikit demi sedikit telah mula berkurangan. Kerajaan memang sengaja mengurangkan peruntukannya kepada BERNAMA secara berperingkat-peringkat untuk membolehkan agensi ini berusaha sendiri menampung keperluan kewangannya. Saya sukacita mendapati BERNAMA telah berjaya menyahut cabaran ini. Dalam tempoh tiga tahun yang lalu, agensi ini telah berjaya menunjukkan prestasi kewangan yang menggalakkan setelah terus menerus mengalami kerugian pada tahun-tahun sebelumnya.

6. Mulai tahun 1990 agensi ini berjaya dipulihkan (turned around) dengan mencatatkan sedikit 'surplus' setelah mengalami kerugian pada tahun-tahun sebelumnya. Saya diberitahu bahawa buat pertama kalinya pada tahun lepas, defisit terkumpul BERNAMA sebanyak RM9.5 juta bukan sahaja dapat dihapuskan, malah mencatatkan 'surplus' sebanyak RM3.1 juta. Sesungguhnya, ini merupakan satu prestasi yang membanggakan. Saya lebih gembira lagi mendapat tahu bahawa pergantungan BERNAMA kepada Kerajaan daripada segi kewangan kini kurang daripada 15 peratus setahun.

7. Saya mengucapkan tahniah kepada Pengurusan dan kakitangan BERNAMA atas kejayaan tersebut. Bagi pihak Kerajaan, saya ingin menyatakan di sini bahawa kita akan terus mengurangkan elemen subsidi ini kepada BERNAMA pada tahun-tahun akan datang. Ini bukan merupakan satu langkah yang aneh. Ia sebenarnya selaras dengan dasar Kerajaan yang dilaksanakan semenjak beberapa tahun yang lalu bagi menggalakkan agensi-agensi Kerajaan, termasuk jabatan-jabatan Kerajaan, untuk mengambil apa-apa juga langkah bagi menambahkan sumber kewangan masing-masing.

8. Dalam hubungan ini, BERNAMA tidak harus mudah leka dengan kejayaannya setakat ini. Sebaliknya, ia harus terus berusaha untuk mengukuhkan lagi kedudukannya sehingga menjadi sebuah agensi berita dan maklumat yang terunggul di negara ini. Saya dimaklumkan bahawa di samping BERNAMA, terdapat beberapa buah syarikat tempatan lagi yang juga terlibat dalam perniagaan maklumat seperti BERNAMA. Syarikat-syarikat ini telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menyaingi BERNAMA dalam pasaran maklumat tempatan.

9. Potensi dalam bidang ini adalah amat luas dan terus berkembang selaras dengan perkembangan ekonomi negara. Ini bertepatan dengan andaian bahawa industri maklumat adalah industri masa depan. Bagaimanapun, saya difahamkan bahawa BERNAMA kini menguasai cuma sebahagian kecil daripada industri maklumat negara yang dianggarkan bernilai puluhan juta ringgit setahun. Sebahagian besar daripada pasaran maklumat dalam negara masih lagi dikuasai oleh agensi-agensi asing. Orang sering berkata bahawa maklumat itu kuasa. Sambungan daripada natijah ini ialah orang yang menguasai maklumat itu sebenarnya memegang kuasa. Kuasa ini mungkin lebih besar daripada kuasa yang ada pada ahli-ahli politik. Kalau kuasa yang ada pada ahli-ahli politik boleh

disalahgunakan, kuasa yang ada pada syarikat-syarikat maklumat juga boleh disalahgunakan. Bayangkanlah apa yang akan terjadi kepada negara dan masyarakat sekiranya ini berlaku.

10. Sebaliknya, jika maklumat itu digunakan secara bijaksana dan disebar kepada rakyat secara tepat, objektif dan meluas, ia boleh membantu melahirkan masyarakat bermaklumat. Satu-satu masyarakat yang kaya dengan maklumat dan pandai menggunakannya akan menjadi masyarakat yang maju.

11. Satu-satunya cara yang mungkin BERNAMA boleh fikirkan untuk mengukuhkan lagi kedudukannya ialah dengan menjalin satu bentuk kerjasama yang lebih berkekalan dengan agensi-agensi yang lebih 'established', khususnya agensi-agensi di Asia Timur. Saya yakin adunan kepakaran yang ada pada BERNAMA dengan pengalaman serta teknologi terkini yang dikuasai oleh agensi-agensi yang lebih 'established' ini akan berjaya menghadapi apa juga bentuk saingan yang dijangka dihadapi pada tahun-tahun akan datang. Di samping itu, usaha meluaskan 'income base', pengenalan produk-produk baru, peningkatan taraf dan mutu produk-produk yang sedia ada serta pengurangan kos yang dijalankan sekarang juga harus diteruskan. Ini penting bukan sahaja untuk mengekalkan prestasi kewangan yang baik sekarang tetapi juga untuk meningkatkannya lagi.

12. Apa juga pendekatan yang akan diambil oleh BERNAMA dalam tahun-tahun akan datang tidak seharusnya mengabaikan fungsi asalnya yang termaktub dalam Akta penubuhannya -- iaitu mengumpul dan menyebarkan berita. Tanpa tugas 'conventional' ini, BERNAMA tidak akan wujud di negara ini. Malangnya kegiatan 'editorial' ini, sama seperti lain-lain tanggungjawab sosial yang dijalankan oleh mana-mana juga organisasi, merupakan satu-satunya kegiatan yang tidak mungkin mendatangkan keuntungan. Di samping kos yang meningkat tahun demi tahun, BERNAMA juga menghadapi masalah untuk menaikkan yuran langganan di kalangan pertubuhan-pertubuhan media tempatan.

13. Akibatnya, sebahagian besar daripada keuntungan yang diperolehi daripada kegiatan penjualan maklumat kepada para pelanggan bukan media terpaksa digunakan sebagai subsidi untuk para pelanggan media. Dalam hubungan ini, pertubuhan-pertubuhan media di negara ini, termasuk media elektronik dan cetak perlu memikirkan cara yang lebih sesuai untuk membantu BERNAMA menjalankan tanggungjawab sosial ini secara yang lebih berkesan.

14. Jabatan-jabatan Kerajaan termasuk di peringkat negeri serta Kerajaan-kerajaan negeri sendiri mungkin boleh juga membantu dengan berlanggan kepada perkhidmatan berita BERNAMA. BERNAMA boleh mengenakan bayaran terhadap perkhidmatan yang dibekalkan kepada Kerajaan, termasuk perkhidmatan sosial yang saya katakan tadi.

15. Kerajaan yakin bahawa BERNAMA boleh memainkan peranan

ke arah mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang bermaklumat menjelang tahun 2020. Lebih banyak maklumat yang dikuasai oleh satu-satu masyarakat, maka akan menjadi lebih majulah masyarakat tersebut. Ini bermakna rakyat Malaysia harus didedahkan kepada pelbagai maklumat yang canggih untuk menjadikan mereka 'a well-informed society'.

16. Dunia kewartawanan hari ini telah banyak berubah jika dibandingkan dengan kewartawanan yang kita kenal pada tahun-tahun menjelang kemerdekaan atau selepas kemerdekaan dulu. Hari ini, kita bukan sahaja berusaha mengisi kemerdekaan tetapi juga meningkatkan lagi isi dan mutu kemerdekaan itu. Usaha ini bukanlah merupakan satu usaha yang mudah. Daripada segi citarasa pembaca atau 'audience' sendiri, ianya telah banyak berubah. Mereka kini lebih terpelajar, canggih dan lebih kritikal daripada, misalnya, keadaan 25 tahun yang lalu, akibat pembangunan sosial dan ekonomi dan peningkatan taraf serta kualiti hidup. Kecuali kita mengubah sikap dan pendekatan kita, kita mungkin akan ditinggalkan oleh arus perubahan itu sendiri.

17. Kalau dulu para pembaca mungkin berpuas hati membaca perkara-perkara yang asas dalam akhbar-akhbar kita, hari ini mereka tidak boleh dipuaskan semudah itu. Kalau dulu orang cuma ingin tahu tentang sesuatu yang berlaku, hari ini mereka bukan sahaja mahu tahu apa yang berlaku tetapi juga kenapa perkara itu berlaku. Isu-isu yang dibincangkan dalam akhbar-akhbar juga kini sudah menjadi terlalu sofistikated. Dulu mungkin kita tidak pernah dengar tentang 'merger' atau 'takeover', atau turun naik saham di bursa-bursa saham tempatan dan luar negara. Tetapi hari ini perkara-perkara sedemikian menjadi topik perbualan di kedai-kedai kopi dan warung. Kalau mereka berbual mengenai politik, mereka tidak lagi memperkatakan perkara-perkara asas. Sebaliknya mereka berbincang mengenai 'intricacies of politics', tentang sama ada orang ini akan lawan orang itu dalam pemilihan UMNO November ini, tentang sama ada dakwaan pemimpin ini tidak akan lawan pemimpin itu boleh dipercayai dan bermacam-macam lagi.

18. Rakan-rakan saya dalam Kabinet sering mengadu bahawa mereka mengesyaki kebanyakan wartawan, terutama yang muda-muda, yang menemuramah mereka tidak membuat 'homework'. Ini berdasarkan kepada soalan-soalan yang dikemukakan serta maklumat latar belakang mereka. Saya berpendapat sekiranya kita ingin menjalankan tugas kita secara yang lebih berkesan, kita harus menjadikan diri kita lebih canggih daripada pembaca kita.

19. Ini boleh kita lakukan dengan lebih banyak membaca, menghadiri kursus atau seminar atau berusaha mendapatkan kelulusan yang lebih tinggi. Memang tidak dapat dinafikan bahawa tahun-tahun yang akan datang merupakan tahun-tahun yang serba mencabar bagi tuan-tuan dan puan-puan sekalian. Cabaran ini akan terus meningkat selaras dengan peranan yang diperlukan dalam usaha pembangunan negara.

20. Bagi Kerajaan, usaha akan terus diambil untuk memudah dan meluaskan lagi penyebaran maklumat kepada rakyat. Seperti yang sedia dimaklumi, tidak lama lagi sebuah lagi stesen TV swasta akan muncul di negara ini.

21. Kerajaan juga telah memutuskan untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai Pusat Media dan Maklumat bagi rantau ini. Pelbagai persediaan telah dibuat kearah itu. Beberapa telah syor dirumuskan oleh sebuah Jawatankuasa Pelbagai Jabatan bagi memudahkan lagi urusan keluar masuk dan operasi wartawan-wartawan asing di negara ini. Kerajaan akan mengkaji perakuan-perakuan ini dan sekiranya didapati sesuai, ia akan melaksanakannya demi kebaikan bersama.

22. Sekali lagi, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada BERNAMA sempena Perayaan Jubli Perak ini. Saya mendoakan semoga BERNAMA akan terus maju jaya dalam menghadapi cabaran-cabaran di masa hadapan.

23. Dengan ini, saya dengan sukacitanya melancarkan Perayaan Jubli Perak BERNAMA.

Terima kasih.